



14 Jun 2021
14 June 2021
P.U. (A) 265

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 3) 2021

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 3) REGULATIONS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 3) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 3) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 15 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “kawasan tempatan jangkitan” ertinya mana-mana kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan tempatan jangkitan di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [*P.U. (A) 87/2020*].

Perkhidmatan perlu

3. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, “perkhidmatan perlu” ertinya perkhidmatan perlu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan termasuklah apa-apa aktiviti dan proses dalam rangkaian pembekalan perkhidmatan perlu itu.

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui arahan, menambah atau memotong apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagai perkhidmatan perlu selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.

Kawalan pergerakan

4. (1) Tiada seorang pun boleh bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain kecuali bagi maksud di bawah subperaturan (2).

(2) Tertakluk kepada peraturan 5, seseorang boleh bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk membeli makanan, minuman, ubat, penokok diet atau keperluan harian;
- (b) untuk membekalkan atau menghantar makanan, minuman, ubat, penokok diet atau keperluan harian;
- (c) untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan, ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), imunisasi atau rawatan kecemasan;
- (d) untuk membeli apa-apa barang atau memperoleh mana-mana perkhidmatan perlu, selain yang disebut dalam perenggan (a) dan (c), daripada mana-mana penyedia perkhidmatan perlu;
- (e) untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan perlu atau melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan mana-mana perkhidmatan perlu;
- (f) untuk melaksanakan apa-apa tugas rasmi, tugas kehakiman atau apa-apa tugas lain yang dibenarkan oleh seseorang pegawai

diberi kuasa;

- (g) untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada mana-mana orang yang terjejas kerana apa-apa bencana alam; dan
- (h) untuk menghadiri pembelajaran di mana-mana institusi pembelajaran atau untuk melaksanakan apa-apa tugas di mana-mana institusi pembelajaran.

Syarat-syarat bagi pergerakan

5. Jika seseorang bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain—

- (a) untuk membeli makanan, minuman, ubat, penokok diet atau keperluan harian—
 - (i) pergerakannya hendaklah hanya ke suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya, atau ke suatu tempat yang paling hampir dengan kediamannya jika makanan, minuman, ubat, penokok diet atau keperluan harian itu tidak terdapat di suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya; dan
 - (ii) dia boleh disertai oleh seorang anggota keluarga yang tinggal serumah;
- (b) untuk membekalkan atau menghantar makanan, minuman, ubat, penokok diet atau keperluan harian, dia hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa;
- (c) untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan,

ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), imunisasi atau rawatan kecemasan—

- (i) pergerakannya hendaklah hanya ke suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya, atau ke suatu tempat yang paling hampir dengan kediamannya jika perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan, ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), imunisasi atau rawatan kecemasan itu tidak terdapat di suatu tempat di dalam radius yang tidak melebihi sepuluh kilometer dari kediamannya; dan
 - (ii) dia boleh disertai oleh tidak lebih daripada dua orang lain;
- (d) untuk membeli apa-apa barang atau memperoleh mana-mana perkhidmatan perlu selain yang disebut dalam perenggan 4(2)(a) dan (c), dia hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa;
- (e) untuk menyediakan mana-mana perkhidmatan perlu atau melaksanakan apa-apa tugas berhubung dengan mana-mana perkhidmatan perlu, dia hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa;
- (f) untuk melaksanakan apa-apa tugas rasmi atau tugas kehakiman, dia hendaklah mengemukakan surat kebenaran daripada majikannya jika dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa;
- (g) untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada mana-mana orang yang terjejas kerana apa-apa bencana alam—
- (i) dia hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa; dan

- (ii) dia boleh disertai oleh mana-mana orang lain tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; dan
- (h) untuk menghadiri pembelajaran di mana-mana institusi pembelajaran atau untuk melaksanakan apa-apa tugas di mana-mana institusi pembelajaran, orang itu hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

Larangan pergerakan ke tempat yang tertakluk kepada perintah kawalan pergerakan diperketat

6. (1) Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari suatu tempat yang tertakluk kepada suatu perintah kawalan pergerakan diperketat kecuali mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan jagaan kesihatan dan perubatan atau yang diberikan kebenaran oleh pegawai diberi kuasa.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “perintah kawalan pergerakan diperketat” merujuk kepada arahan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 11(3) Akta.

Pergerakan bagi maksud peperiksaan

7. (1) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk menduduki apa-apa peperiksaan yang ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di mana-mana institusi pembelajaran dibenarkan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain bagi maksud persediaan dan menduduki peperiksaan itu di institusi pembelajaran itu.

(2) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk menduduki apa-apa peperiksaan yang ditentukan oleh mana-mana badan profesional di mana-mana tempat yang ditentukan oleh badan profesional itu dibenarkan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari

satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain bagi maksud persediaan dan menduduki peperiksaan itu.

(3) Mana-mana orang yang terlibat dalam mengajar bagi persediaan peperiksaan atau dalam perjalanan apa-apa peperiksaan yang disebut di bawah subperaturan (1) dan (2) dibenarkan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain bagi maksud mengajar bagi persediaan peperiksaan dan perjalanan peperiksaan itu.

(4) Mana-mana orang yang bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain bagi maksud yang disebut di bawah subperaturan (1), (2) dan (3)—

(a) hendaklah memberikan bukti yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa; dan

(b) boleh disertai oleh seorang ibu, bapa atau penjaga.

Pergerakan kerana sebab khas atau tertentu

8. Jika, kerana sebab khas atau tertentu, seseorang perlu bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan, dari satu daerah ke daerah yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke kawasan tempatan jangkitan yang lain, orang itu hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan kediaman orang itu.

Larangan berarak

9. Tiada seorang pun boleh dengan apa-apa cara menyertai atau terlibat dalam apa-apa perarakan.

Kawalan berhimpun

10. (1) Tiada seorang pun boleh berhimpun atau terlibat dalam apa-apa perhimpunan di dalam mana-mana premis di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan sama ada bagi maksud keagamaan, sukan, rekreasi, sosial atau kebudayaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang boleh berhimpun atau terlibat dalam suatu perhimpunan bagi maksud keagamaan atau upacara pengebumian tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

Pengangkutan awam

11. Walau apa pun jumlah kapasiti maksimum bilangan penumpang yang boleh dibawa di dalam mana-mana pengangkutan awam darat, laut atau udara, seseorang pemegang lesen atau permit mana-mana pengangkutan awam darat, laut atau udara untuk membawa penumpang hendaklah memastikan pengangkutan awam yang berhubungan dengan lesen atau permitnya membawa bilangan penumpang tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

Kehendak untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia

12. (1) Pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana warganegara, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat atau kor diplomatik, atau mana-mana orang asing lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen, yang memasuki Malaysia dari luar negara untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia di mana-mana pintu masuk sebelum mendapatkan pelepasan imigresen, atau di mana-mana tempat lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

(3) Jika mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) diarahkan oleh pegawai diberi kuasa untuk menjalani kuarantin di mana-mana tempat, orang itu hendaklah memakai gelang tangan yang disediakan oleh pegawai diberi kuasa itu.

Kehendak bagi majikan untuk menyebabkan pekerja asingnya menjalani ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)

13. (1) Bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di tempat kerja, seseorang pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan mana-mana majikan yang mengambil kerja seseorang pekerja asing supaya menyebabkan pekerja asing itu menjalani ujian pengesanan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), dan majikan itu hendaklah menanggung fi, kos atau caj bagi ujian itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “pekerja asing” ertinya pemegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang dikeluarkan di bawah peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*F.L.N. 228/1963*].

Peruntukan khas berhubung dengan kawalan pergerakan di dalam Negeri Sarawak

14. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, kawalan pergerakan, langkah, dan apa-apa syarat bagi kawalan pergerakan dan langkah itu, bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di dalam Negeri Sarawak, hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Permintaan maklumat

15. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh meminta apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit daripada mana-mana orang atau kumpulan orang.

Arahan Ketua Pengarah

16. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan mengikut apa-apa cara, sama ada secara am atau khusus, kepada mana-mana orang atau kumpulan orang supaya mengambil apa-apa langkah bagi maksud mencegah dan mengawal apa-apa penyakit berjangkit di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan .

(2) Arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (1) hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.

Kesalahan

17. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah atau seseorang pegawai diberi kuasa melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—

(a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan

(b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; dan
- (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelaksanaan kesalahan itu.

Kecualian

18. Apa-apa arahan Ketua Pengarah yang dikeluarkan atau disifatkan telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 2) 2021 [*P.U. (A) 243/2021*] hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa melainkan jika dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

JADUAL

[Peraturan 3]

PERKHIDMATAN PERLU

1. Makanan dan minuman termasuk makanan haiwan
2. Penjagaan kesihatan dan penjagaan perubatan termasuk penokok diet, dan perkhidmatan veterinar
3. Air
4. Tenaga
5. Keselamatan, pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan
6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembedung
7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara
8. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemungahan, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi
9. Komunikasi termasuk liputan media, telekomunikasi dan internet, penyiaran bagi maksud penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya, dan pos dan kurier

10. Perbankan, insurans, takaful dan pasaran modal
11. Pajak gadai
12. E-dagang dan teknologi maklumat
13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir
14. Hotel dan penginapan bagi maksud kuarantin, pengasingan, penginapan pekerja dalam perkhidmatan perlu, dan bukan maksud pelancongan
15. Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal
16. Perkhidmatan perhutanan, terhad kepada penguatkuasaan, dan hidupan liar
17. Logistik, terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu
18. Perkhidmatan pembuatan
 - (a) aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul* (MRO))
 - (b) bahan pembungkusan dan percetakan berhubung dengan bahan makanan dan minuman dan bahan penjagaan kesihatan dan perubatan
 - (c) barang penjagaan diri dan bahan pencuci
 - (d) keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet
 - (e) kelengkapan perlindungan diri termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran
 - (f) komponen bagi peranti perubatan
 - (g) barang elektrik dan elektronik
 - (h) minyak dan gas termasuk petrokimia dan keluaran petrokimia
 - (i) mesin dan peralatan berhubung dengan rawatan perubatan dan perkhidmatan kesihatan dan keluaran makanan dan minuman
 - (j) tekstil bagi pengeluaran kelengkapan perlindungan diri
 - (k) bahan api dan pelincir
19. Pertanian, perikanan dan penternakan
20. Perladangan dan komoditi, terhad kepada kelapa sawit, getah, lada dan koko
21. Kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama
22. Kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau kuarters pekerja berpusat
23. Perdagangan dan peruncitan
 - (a) keperluan asas, penjagaan diri dan penjagaan haiwan

- (b) dobi termasuk dobi layan diri, kedai cermin mata dan optik dan kedai perkakasan
- (c) stesen minyak termasuk kedai runcit di stesen minyak
- (d) bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti
- (e) pemborongan dan pengedaran bagi keluaran perkhidmatan perlu

Dibuat 14 Jun 2021

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/Jld. 7]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 3) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 3) Regulations 2021**.

(2) These Regulations have effect for the period from 15 June 2021 to 28 June 2021.

Interpretation

2. In these Regulations, “infected local area” means any area declared to be an infected local area under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) Order 2020 [P.U. (A) 87/2020].

Essential services

3. (1) For the purposes of these Regulations, “essential services” means the essential services as specified in the Schedule and includes any activity and process in the supply chain of such essential services.

(2) The Director General may, by directions, add to or delete any service, work, industry and business as essential services after consulting the authority that regulates the service, work, industry and business.

Control of movement

4. (1) No person shall move from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area except for the purposes under subregulation (2).

(2) Subject to regulation 5, a person may move from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area for the following purposes:

- (a) to purchase food, beverages, medicine, dietary supplement or daily necessities;
- (b) to supply or deliver food, beverages, medicine, dietary supplement or daily necessities;
- (c) to seek healthcare or medical services, Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test, immunization or emergency treatment;
- (d) to purchase any goods or procure any essential services, other than those referred to in paragraphs (a) and (c), from any provider of essential services;
- (e) to provide any essential services or perform any duty in relation to any essential services;
- (f) to perform any official duty, judicial duty or any other duty authorized by an authorized officer;
- (g) to provide humanitarian aid to any person affected because of any natural disaster; and

- (h) to attend learning at any learning institution or to perform any duty at any learning institution.

Conditions for movement

5. Where a person moves from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area—

- (a) to purchase food, beverages, medicine, dietary supplement or daily necessities—

- (i) his movement shall only be to a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence, or to a place nearest to his residence if such food, beverage, medicine or dietary supplement is or daily necessities are, not available at a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence; and

- (ii) he may be accompanied by one family member staying in the same house;

- (b) to supply or deliver food, beverages, medicine, dietary supplement or daily necessities, he shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer;

- (c) to seek healthcare or medical services, Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test, immunization or emergency treatment—

- (i) his movement shall only be to a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence, or to a place nearest to his residence if such healthcare or medical services, Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test, immunization or emergency treatment is not available

at a place within a radius of not more than ten kilometres from his residence; and

- (ii) he may be accompanied by not more than two persons;
- (d) to purchase any goods or procure any essential services, other than those referred to in paragraphs 4(2)(a) and (c), he shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer;
- (e) to provide any essential services or perform any duty in relation to any essential services, he shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer;
- (f) to perform any official or judicial duty, he shall produce an authorization letter from his employer if required by an authorized officer;
- (g) to provide humanitarian aid to any person affected because of any natural disaster—
 - (i) he shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer; and
 - (ii) he may be accompanied by any other person subject to any directions issued by the Director General; and
- (h) to attend learning at any learning institution or to perform any duty at any learning institution, the person shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer.

Prohibition on movement to place that is subject to enhanced movement control order

6. (1) No person shall enter into or exit from a place that is subject to an enhanced movement control order except any person who is providing healthcare and medical services or is given permission by an authorized officer.

(2) For the purposes of subregulation (1), “enhanced movement control order” refers to directions given by an authorized officer under subsection 11(3) of the Act.

Movement for purposes of examination

7. (1) Any person who is required to sit for any examination determined by the relevant authority at any learning institution is allowed to move from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area for the purpose of preparing and sitting for the examination at the learning institution.

(2) Any person who is required to sit for any examination determined by any professional body at any place determined by such professional body is allowed to move from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area for the purpose of preparing and sitting for the examination.

(3) Any person who is involved in providing lessons for the preparation of examination or in the conduct of any examination mentioned under subregulations (1) and (2) is allowed to move from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area for the purpose of providing lessons for the preparation of the examination and conducting the examination.

(4) Any person who moves from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area for the purposes mentioned under subregulations (1), (2) and (3)—

(a) shall provide the necessary proof as requested by an authorized officer; and

(b) may be accompanied by a mother, father or guardian.

Movement due to special or particular reason

8. Where, due to a special or particular reason, a person needs to move from one place to another place within any infected local area, from one district to another district within any infected local area or from one infected local area to another infected local area, that person shall obtain prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to the residence of such person.

Prohibition on procession

9. No person shall in any way participate or be involved in any procession.

Control of gathering

10. (1) No person shall gather or be involved in any gathering in any premises within any infected local area whether for religious, sports, recreational, social or cultural purpose.

(2) Notwithstanding subregulation (1), a person may gather or be involved in a gathering for religious purpose or funeral ceremony subject to any directions issued by the Director General.

Public transport

11. Notwithstanding the total maximum capacity of the number of passengers that may be carried on board any land, sea or air public transport, a holder of any land, sea or air public transport licence or permit to carry passengers shall ensure that the public transport relating to his licence or permit carries such number of passengers subject to any directions issued by the Director General.

Requirement to undergo health examination upon arrival in Malaysia

12. (1) An authorized officer may direct any citizen, permanent resident of Malaysia, expatriate or diplomatic corps, or any other foreigner permitted by the Director General of Immigration, entering Malaysia from overseas to undergo health examination upon arrival in Malaysia at any point of entry before proceeding for immigration clearance, or at any other place determined by the Director General.

(2) Any person referred to in subregulation (1) shall comply with any directions issued by an authorized officer.

(3) Where any person referred to in subregulation (1) is directed by the authorized officer to undergo quarantine at any place, the person shall wear a wristband provided by the authorized officer.

Requirement for employer to cause his foreign employee to undergo Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test

13. (1) For the purpose of preventing and controlling the spread of the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) at work place, an authorized officer may direct any employer who employs a foreign employee to cause the foreign employee to undergo Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) detection test, and the employer shall pay the fee, cost or charges for the test.

(2) For the purposes of this regulation, “foreign employee” means a holder of a Visit Pass (Temporary Employment) issued under regulation 11 of the Immigration Regulations 1963 [*F.L.N. 228/1963*].

Special provision relating to control of movement within the State of Sarawak

14. Notwithstanding any provision in these Regulations, the control of movement, measures, and any conditions for the control of movement and measures, for the purpose of preventing and controlling the spread of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) within the State of Sarawak, shall be as directed by the Director General.

Request for information

15. An authorized officer may request for any information relating to the prevention and control of infectious disease from any person or body of persons.

Directions of Director General

16. (1) The Director General may issue any directions in any manner, whether generally or specifically, to any person or group of persons to take such measures for the purpose of preventing and controlling any infectious diseases within any infected local area.

(2) Directions issued by the Director General under subregulation (1) shall be published in the website of the National Security Council.

Offence

17. (1) Any person who contravenes any provision of these Regulations or any directions of the Director General or an authorized officer commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(2) Where any person who commits an offence under these Regulations is a company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons, a person who at the time of the commission of the offence was a director, compliance officer, partner, manager, secretary or other similar officer of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was purporting to act in the capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the company, limited liability partnership, firm, society or other body of persons or was assisting in its management—

(a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the company, limited liability partnership, firm, society or the body of persons; and

(b) if the company, limited liability partnership, firm, society or the body of persons is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence and shall be liable to the same punishment or penalty as an individual unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves—

- (i) that the offence was committed without his knowledge; and
- (ii) that the offence was committed without his consent or connivance and that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

Savings

18. Any directions of the Director General issued or deemed to have been issued under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 2) Regulations 2021 [*P.U. (A) 243/2021*] shall be deemed to have been made under these Regulations and shall continue to remain in force unless revoked by the Director General.

SCHEDULE

[Regulation 3]

ESSENTIAL SERVICES

1. Food and beverages including animal feed
2. Healthcare and medical care including dietary supplement, and veterinary services
3. Water
4. Energy
5. Security, defence, emergency, welfare, and humanitarian aid

6. Solid waste management and public cleansing and sewerage
7. Transport by land, water or air
8. Port, dock and airport services and undertakings including stevedoring and transferring of cargo, pilotage, storing or bulking commodity
9. Communications including media coverage, telecommunications and internet, broadcasting for the purpose of delivery of information, news and the like, and postal and courier
10. Banking, insurance, takaful and capital market
11. Pawnbroking
12. E-commerce and information technology
13. Production, refining, storage, supply and distribution of fuel and lubricants
14. Hotel and lodging for the purpose of quarantine, isolation, workers' lodging in essential services, and not for tourism
15. Construction, critical maintenance and repair works
16. Forestry services, limited to enforcement, and wildlife
17. Logistic, limited to delivery of essential services
18. Production services
 - (a) aerospace (component and maintenance, repair and overhaul (MRO))
 - (b) materials for packaging and printing in relation to food and beverages and healthcare and medical materials
 - (c) personal care goods and cleaning materials
 - (d) healthcare and medical products including dietary supplement
 - (e) personal protective equipment including rubber hand gloves and fire safety equipment
 - (f) components for medical devices
 - (g) electrical and electronics goods
 - (h) oil and gas including petrochemical and petrochemical products
 - (i) machines and equipment in relation to medical treatment and health services and food and beverages products
 - (j) textile for the production of personal protective equipment
 - (k) fuel and lubricants
19. Agriculture, fisheries and husbandry
20. Farming and commodity, limited to palm, rubber, pepper and cocoa

21. Major public infrastructure construction works
22. Building construction works that provide complete workers' accommodations on construction sites or centralized labour quarter
23. Trading and retailing
 - (a) basic essentials, personal care and animal care
 - (b) laundry including launderette, spectacles and optical shop and hardware shop
 - (c) petrol station including retail store at petrol station
 - (d) car workshop, maintenance and spare parts
 - (e) wholesaling and distribution for essential services products

Made 14 June 2021

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/Jld. 7]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health